

ABSTRAK

Justifikasi khusus yang tepat dan mantap tentang isu polarisasi etnik di Malaysia masih sukar diperolehi. Ini adalah oleh kerana masih terdapat faktor pengaruh sekeliling serta faktor sosio-budaya yang kuat dalam mengawal dan membentuk tingkah laku dan persepsi golongan yang terlibat. Faktor interaksi mempunyai implikasi yang penting dalam mencorakkan hala tuju masyarakat Malaysia amnya.

Sejumlah 720 responden yang ditemuduga di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang terlibat masih menyemaikan faktor bahasa dan agama dalam interaksi sehari-hari mereka dengan kumpulan etnik lain. Walaubagaimanapun responden yang ditemuduga dalam kajian ini tidak dapat dikatakan mewakili pendapat Institusi Pengajian Tinggi yang lain. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa perbezaan pendapat yang wujud di antara pelajar dari kumpulan etnik yang berbeza adalah signifikan seperti dalam hal berkaitan interaksi dan perasaan terhadap pelbagai kumpulan etnik.

Kajian penulis dijalankan melalui jalinan-jalinan berikut. Bab Pertama mengemukakan penilaian dan perbincangan mengenai hubungan etnik dan polarisasi yang wujud dalam masyarakat dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu dalam bidang ini. Bab Kedua pula menyentuh aspek integrasi etnik di Malaysia serta masalah yang wujud dalam interaksi antara masyarakat pelbagai

etnik serta apakah sikap mereka terhadap konsep integrasi yang digembar-gemburkan dalam hubungan sehari-hari mereka.

Bab Ketiga dan Keempat menggariskan bentuk kajian serta latar belakang responden terlibat. Keputusan analisa kajian termasuk aspek kebolehpercayaan serta kesahihan jawapan yang diperolehi dibincangkan dalam Bab Kelima. Manakala penghujahan bagi keputusan-keputusan kajian dibincangkan di dalam Bab Keenam iaitu bab yang terakhir yang turut memberikan kesimpulan serta implikasi terhadap hasil kajian penulis dalam isu interaksi dan polarisasi etnik.

ABSTRACT

A strong justification for the issue of ethnic polarization in Malaysia is lacking. There are many social and cultural factors that influence ethnic interaction. The nature of this interaction has important implications in the integration of Malaysian society.

A total of 720 subjects were interviewed in public and private institutions of higher education. These subjects considered language and religion as important factors in their daily interaction with other ethnic groups. Results from this research showed that there were significant differences related to interaction and feelings towards other ethnic groups. However, the subjects in this study were not randomly selected and cannot be considered as representative of all students in Malaysian institutions of higher education.

The first chapter reviews the literature on ethnic relations and polarization. The second chapter discusses different aspects of ethnic integration in Malaysia and the problems that arise in daily interactions among various ethnic groups. The third and fourth chapters describe the research methods and the respondents' background. Results of the survey are analyzed and discussed in the fifth chapter. Discussion of the results is presented in Chapter Six which is also the final chapter that includes the conclusions and the implications of the study on the issues of ethnic interaction and polarization.